

D134

R B101 AAB
MAHATHIR-UMNO

KUALA LUMPUR, 8 MEI (BERNAMA) -- NASIB BANGSA, AGAMA DAN NEGARA ORANG MELAYU AKAN TERUS TERPELIHARA SELAGI UMNO BERJUANG UNTUK MEREKA DAN MENDAPAT SOKONGAN KUKUH DARIPADA MEREKA, KATA PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA, DENGAN JUMLAH ANGGOTA TERBESAR DAN KIAN BERTAMBAH BAGI SESEBUAH PARTI POLITIK, UMNO MERUPAKAN PARTI POLITIK YANG TERULUNG DI MALAYSIA PADA HARI INI DAN PADA MASA-MASA AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DALAM KATA-KATA ALUAN DALAM BUKU CENDERAMATA SEMPERA PERHIMPUNAN MENYAMBUK ULANG TAHUN KE-43 UMNO DI ISTANA BESAR JOHOR BAHRU PADA RABU DAN KHAMIS INI.

BELIAU BERKATA UMNO MEMANG TIDAK SUNYI DARIPADA PELBAGAI DUGAAN TETAPI BERKAT DOA DAN SOKONGAN ANGGOTA YANG MENCINTAINYA, KESEMUA DUGAAN, BAIK YANG KECIL MAHUPUN YANG BESAR, BERJAYA DIATASI.

KATANYA, KELAHIRAN UMNO 43 TAHUN DAHULU ADALAH ATAS KESEDARAN KAUM MELAYU UNTUK BERSATU TENAGA MENENTANG PENJAJAH DAN RANCANGAN MALAYAN UNION SERTA UNTUK MENCAPAI KEMERDEKAAN TANAHAIR. -- LAGI
1618MST 08 05 89

D135

R B102 AAB
MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

+PERPADUAN ORANG MELAYU PADA KETIKA ITU DALAM MEMPERJUANGKAN HAK DAN KEPENTINGAN AGAMA, BANGSA DAN TANAHAIR TELAH MEMBERI KEKUATAN DAN PERANGSANG YANG BEGITU BERSEMANGAT KEPADA ORANG MELAYU SEHINGGA SANGGUP BERKORBAN APA SAHAJA DEMI MENCAPAI CITA-CITA MURNI YANG DIIDAM-IDAMKAN.

+SEMANGAT GIGIH ITU TELAH MEMUDAHKAN SEGALA PENGORBANAN. DAN KEJAYAAN YANG DIKECAPI MENJADI MILIK KITA SEMUA. DEMIKIANLAH BERKATNYA BAGI ORANG MELAYU,+ KATANYA.

DALAM KATA-KATA ALUANNYA, TIMBALAN PRESIDEN UMNO, ENCIK GHAFAR BABA, PULA BERKATA KEJAYAAN UMNO DICAPAI DENGAN ADANYA KATA SEPAKAT BUKAN SAHAJA DI ANTARA ORANG MELAYU SENDIRI TETAPI SEMUA KAUM YANG ADA DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA NEGARA AKAN TETAP SELAMAT DAN PEMBANGUNAN DIPERTINGKATKAN JIKA PERPADUAN YANG MENJADI SYARAT MUTLAK ITU DAPAT DIKEKALKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA UMNO AKAN TETAP MENERUSKAN PERJUANGANNYA UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG LEBIH TERKENAL DALAM SEMUA BIDANG PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

BELIAU MENYERU UMUM SUPAYA MEMPERBAHARUI TEKAD MENGUKUHKAN UMNO AGAR MALAYSIA SENTIASA SELAMAT DAN MAJU. -- BERNAMA
1624MST 08 05 89